

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 PENDAHULUAN

Setelah empat bab terdahulu berfungsi mengemukakan pengenalan, kajian perpustakaan, latar belakang pengarang dan sinopsis karya, serta analisis dan perbandingan, bab ini tampil untuk membuat kesimpulan dan cadangan. Bab terakhir ini mengandungi dua tajuk utama, iaitu kesimpulan dan cadangan.

Dalam tajuk *kesimpulan* terkandung kesimpulan-kesimpulan atau rumusan-rumusan bagi fakta-fakta penting yang telah dibahaskan sepanjang kajian ini. Sementara tajuk *cadangan* pula mengemukakan beberapa cadangan yang dianggap bermanfaat untuk diambil perhatian atau diterokai seterusnya secara lebih lanjut oleh pihak-pihak yang mahu mengkaji teks Arab-Melayu – terutamanya dari aspek gaya bahasa.

5.1 KESIMPULAN

Berdasarkan analisis teks dan perbandingan pada bab terdahulu, pengkaji merumuskan beberapa perkara selanjutnya membuat beberapa kesimpulan:

1. Gaya bahasa kiasan adalah bidang yang sangat spesifik dan luas cakupannya namun perbandingan antara kedua-duanya masih kurang diterokai oleh para pengkaji dan sarjana daripada kedua-dua bahasa.
2. Sebagaimana bahasa Arab yang terkenal dengan keluasan ilmu Balaghahnya, bahasa Melayu juga terkenal kaya dengan pelbagai ragam bahasa kiasannya.
3. Terdapat beberapa persamaan antara bahasa kiasan yang digunakan dalam retorika Arab dan Melayu. Yang menjadi perbezaannya hanya istilah, situasi dan bentuk bahasa kiasan itu diungkapkan dalam kedua-dua bahasa. Sebagai contoh, konsep *tasybih* menyerupai simile dan *isti'arat makniyyat* menyerupai personifikasi dan metonimi.
4. Gaya bahasa kiasan sangat penting dalam sastera sebagai *pembungkus* mesej yang mahu disampaikan selain menjadi penentu utama kepada daya tarikan pembaca. Fungsinya juga bukan sekadar untuk memperindah karya tetapi dalam pada masa yang sama menyelitkan inti pemikiran pengarang.

5. Zakaria Tamer dan Azizi Hj. Abdullah yang mewakili sastra Arab dan sastra Melayu sangat konsisten dalam melontarkan kritikan sosial menerusi karya. Kedua-duanya juga dilihat cenderung kepada golongan oposisi. Meskipun isu atau mesej yang mahu disampaikan agak berat dan keras, namun ia “dipermudahkan” dengan penggunaan bahasa kiasan.
6. Kejayaan seseorang pengarang seperti Zakaria Tamer dan Azizi Hj. Abdullah banyak bergantung kepada keberhasilan mereka memanipulasi bahasa sebagai wahana menyampaikan amanat dan gagasan pemikiran. Kepintaran dan kemahiran mereka menyelitkan gaya bahasa kiasan tersendiri menjadikan karya mereka lebih unik, malar segar dan berjati diri.
7. Meskipun gaya bahasa kiasan mereka pelbagai jenis dan bentuknya, namun simile atau tasybih didapati adalah gaya kiasan yang paling kerap digunakan oleh kedua-dua pengarang. Barangkali tidak keterlaluan jika dikatakan gaya kiasan tersebut adalah yang paling dominan dan digemari oleh para pengarang Arab dan Melayu.
8. Kredibiliti mereka berdua sebagai pengarang berjati diri juga terserlah dengan beberapa perumpamaan yang tepat, segar dan baharu dicipta. Segala bentuk klise atau stereotaip cuba dielakkan bagi meningkatkan estetika karya.

5.2 CADANGAN

Melihatkan kajian yang membabitkan dua bahasa sebegini masih sangat kurang dalam gedung khazanah bahasa dan sastera Melayu, pengkaji juga ingin mengutarakan beberapa cadangan yang mungkin sesuai untuk diberi perhatian mahupun diterokai oleh pengkaji lain pula pada masa akan datang. Antaranya:

1. Kajian terhadap gaya bahasa kiasan Arab dan Melayu sangat penting bagi menambah kosa kata dan memperkaya budaya atau *thaqafat* bangsa. Kekayaan bahasa Arab terutamanya, wajar dikongsi oleh bahasa Melayu untuk berdiri setanding dengan bahasa tersebut yang tergolong dalam kalangan enam bahasa terbesar di dunia menurut Petubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Justeru, sewajarnya perlu ada usaha untuk menyusun kamus atau glosari bahasa kiasan dalam kedua-dua bahasa dengan lebih sistematik. Usaha tersebut akan menjadi “penambah baik” atau “daya pernerik” kepada pembelajaran Balaghat di Malaysia.
2. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini agak besar dan umum skopnya dari segi perbandingan bahasa kiasan kedua-dua bahasa. Adalah lebih menarik jika kajian perbandingan terhadap bahasa kiasan Arab-Melayu ini dispesifikkan kepada unsur-unsur yang hampir sama seperti simile dan *tasybih*, isti‘arat makniyyah dan personifikasi, atau hiperbola dan *mubalaghah*.

3. Pihak-pihak yang berperanan dalam mengembangkan dan memelihara bahasa seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Institut Terjemahan Negara Malaysia harus mengambil langkah positif dan proaktif dengan melaksanakan projek penterjemahan karya sastera kedua-dua bahasa dengan lebih giat. Secara tidak langsung, usaha tersebut akan menarik minat golongan bukan penuturnya mempelajari retorika Arab dan Melayu.

4. Selain kajian analisis gaya bahasa kiasan dalam teks Arab-Melayu, kajian perbandingan yang lebih spesifik terhadap novel, antologi cerpen atau antologi puisi tulisan pengarang kedua-dua bahasa juga wajar dilakukan. Para pengkaji seterusnya boleh sahaja membuat kajian perbandingan antara Abdul Rahman Munif dengan Arenawati atau Anwar Ridhwan dalam genre novel; atau Mehmoud Darwish dengan Usman Awang dalam genre puisi.

5. Di samping kekuatannya dalam genre cerpen, Azizi Hj. Abdullah juga boleh disorot melalui genre novel. Kekuatan beliau dalam menghasilkan karya-karya sastera Islam juga wajar dijadikan bahan kajian untuk dibuat perbandingan dengan para penulis karya Islami Arab seperti Najib al-Kailani.

5.3 PENUTUP

Selain aspek tema dan pemikiran yang sering disorot dalam kajian-kajian terhadap karya sastra, kajian terhadap gaya bahasa sebegini juga menarik untuk dibincangkan. Malah, kajian bagi meneliti gaya bahasa kiasan antara dua bahasa – Arab dan Melayu - harus diperbanyak dan diberi sokongan. Hanya dengan usaha sedemikian kita dapat memartabatkan bahasa dan sastra kedua-dua bahasa yang sangat penting dalam perkembangan Islam di Malaysia.